

1515

Edisi Dwidasa

Cerekayasa adalah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

*Buat DewiQ, kawan-kawan, keluarga
dan seluruh marga Simbolon...*

1515

Edisi Dwidasa

Faisal Tehrani



cerekayasa

Bangi

© Faisal Tehrani 2003
© Kawah Buku, hak penerbitan

Novel *1515* merupakan pemenang Kategori Novel Remaja untuk Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2002.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2025 oleh

Cerekayasa, sebuah imprint **Kawah Buku**
(*Didaftarkan di bawah Soeloe Merdeka Publishing*)
Bandar Baru Bangi
43650 Selangor
🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-99518-6-5

Kemaskini suntingan oleh Iskandar Kamel
Bacaan semak oleh Hanisa dan Khairunisa
Idea konsep oleh Azan Safar dan Amin Landak
Lakaran dan reka bentuk kulit buku oleh Amin Landak
Fotografi potret oleh Azan Safar

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

Isi Kandungan

Prolog	1
Siapa Nyemah Mulya	3
Feringgi Mengalahkan Melaka	51
Tegaknya A Famosa	88
Portugal Ditakluk	127
Tenggelamnya Bahtera Flor de la Mar	194
Sejarah Tun Nyemah Mulya	247
Epilog	261
<i>Laporan Hadiab Sastera Kumpulan Utusan 2002</i>	265
<i>Sepuluh Badibiyat 1515</i>	273

Prolog

NAMA hamba Nyemah Mulya. Usia lima belas tahun. Hamba menulis dan mengutus surat ini dengan satu niat. Bagaimana kalau kita bekerjasama merubah sejarah?

Hamba sudah selesai membaca *The Complete History of Malaysia* tulisan kanda.¹ Juga sebuah lagi kajian sejarah yang menjadikan kanda sejarawan terkenal. Kajian berjudul “Nyemah Mulya: Srikandi Perang Melaka 1511”.²

Berdasarkan satu lagi teks sejarah yang ditulis oleh Margarita Teixeira³, hamba dapati nama Nyemah Mulya memberi kesan besar dalam sejarah Melaka. Namun sayang, Melaka tetap jatuh ke tangan tentera Portugis. Nyemah, hamba difahamkan telah

¹ *The Complete History of Malaysia* ialah buku tujuh jilid karangan sejarawan Adi Fimiyun Abdul Hadi tentang pembukaan Melaka hinggalah kepada kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957. Buku ini bagaimanapun sukar didapati.

² “Nyemah Mulya: Srikandi Perang Melaka 1511” ialah kajian doktorat Adi Fimiyun Abdul Hadi yang tidak pernah diterbitkan tetapi menjadikan beliau seorang sejarawan tersohor.

³ Seperti Nyemah Mulya, Margarita Teixeira ialah seorang lagi tokoh yang hidup pada masa lampau tetapi boleh menghubungi orang-orang pada zaman ini. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Margarita Teixeira, sila rujuk “Pengkhianat”, *Dewan Masyarakat*, Jun 2002.

ditawan dan dihantar ke Lisbon untuk diperhambakan di istana Raja Manuel sebelum dijual kepada Mario Rabal, seorang budiman berbangsa Sepanyol.

Hamba menulis dan mengutus surat ini dengan satu niat. Hamba membantah Melaka jatuh ke tangan Portugis. Hamba membantah Melaka dijajah penjahat Feringgi. Hamba membantah Nyemah Mulya diperhambakan di Lisbon.

Hamba mahu merubahnya dan hanya kanda sebagai sejarawan dapat membantu hamba untuk membetulkan semula jurusan sejarah yang memang salah ini. Hamba mahu ia sama sekali berbeza. Sama sekali tertulis sesuatu yang lain. Sesuatu yang menguntungkan bangsa dan agama kita. Hamba tidak dapat menerima Nusantara terpecah-pecah menjadi mancanegara. Nusantara adalah tanah dan air, tanah air.

Hamba mahu semuanya dibetulkan. Hamba menuntut ia dibaiki. Kanda hidup dalam masa hadapan. Kanda tahu setiap muslihat Portugis yang zalim itu. Kanda memahami secara rinci makar dan helah yang menjerumuskan Melaka ke dalam penjajahan ratusan tahun yang mengaibkan.

Kata orang tua-tua kita kanda: Tanah lembah kandungan air, kayu bengkok titian kera!⁴ Di situlah kekuatan hamba, Nyemah Mulya, dan kita berdua. Kanda Adi Fimiyun dan hamba bergabung tenaga—merubah sejarah. Kita akan menulis semula keaiban ini menjadi satu kegemilangan.

Mahukah kanda memberanikan diri menukar semua ini?

⁴ Sesuatu keadaan boleh menyebabkan terjadi keadaan yang lain.

I

Siapa Nyemah Mulya

25 Julai 2002

Saya meletakkan gagang telefon. Panggilan lazim. Hawa melaporkan aktiviti mingguannya sebagai anak yang baik. Televisyen sedang terpasang. Iklan berturut-turut mengisi ruang jeda.

Sekali kuap. Ada kumbang berbunyi *bzz bzz bzz* berlegar-legar di dalam kamar. Terasa lelah dan kantuk. Masih ada empat jam lagi sebelum masuk waktu berbuka puasa. Kipas di siling berputar pada kelajuan dua. Langsir ungu di jendela terombak berkibar mesra.

Di luar, selimut alam mendung. Langit mulai dipalit kelabu. Awan bertompok-tompok bergerak lambat-lambat. Kumbang yang gagal mencari jalan keluar menghentam dinding, berlegar naik ke siling dan menjunam ke lantai.

Saya meninjau ke luar. Membuka jendela. Petang yang basah lagi agaknya. Dua menara KLCC tegak megah.

Bzz Bzz. Kumbang melanggar tubuh. Berkisar serangga tersebut sebelum menemui jalan keluar. Kamar perpustakaan terasa suram. Rak buku padat. Buku-buku yang terbiar di lantai kerana belum mendapat tempat menyesak pandangan. *Inside Terrorism* oleh Bruce Hoffman, *Jihad: A Ground Plan* karangan

Ian Dallas dan *International Jew* tulisan Henry Ford bertimbunan di antara buku-buku yang separuh berdebu.

Saya merenung seketika al-Quran terjemahan Diponegoro. Selepas zuhur tadi sudah dua juz dibaca. Mata yang terasa perit letih dikesip-kesip. Sebetulnya 'kunjungan' Nyemah Mulya memomok diri, mengganggu santak ke saraf-saraf. Menghela nafas berat pun tak dapat menghentikan gelisah.

Saya bingkas mematikan televisyen yang saya kira sudah terbiar lama tidak diladeni. Bagaimana kita berhubungan dengan 'hantu' dari masa lampau untuk merubah sesuatu yang sudah termaktub? Lama saya berfikir, menimbang dan mewaraskan. Ibarat makan buah malakamo. Sudah beberapa kali saya dihubungi 'hantu-hantu sejarah' ini yang tidak mahu menerima hakikat bahawa bangsa Melayu dan negeri Melaka lama dulu pernah salah jurusan dan bahananya masih dirasai sehingga saat ini. Mereka ialah 'roh-roh masa lampau' yang tidak tenang. Tidak dapat bersemadi dengan aman kerana dikhianati sejarawan palsu. Peranan dan suara mereka barangkali disisihkan. Kerana itu mereka muncul memberontak, bangkit dari pusara masa. Justeru janganlah dipertikaikan jarak zaman kerana hantu boleh saja melintasi sebarang sempadan.

Saya bangun, berjalan menuju ke rak buku-buku sejarah, mengambil sebuah buku yang sudah agak kusam lalu duduk membaca semula buku *Perang Melaka*, mengamati isinya:

Pada masa itu Albuquerque ada-lah menjadi wadzir kerajaan Portugis di-Goa, apabila kemahuan hati-nya ta'dapat di-tahan² lagi hendak menaáloki bumi Melaka, maka kembalilah ia ka-Portugal memohon kepada raja-nya. Oleh raja-nya diberi-lah empat buah kapal kerakah yang besar², lima buah

ghali panjang. Sa-telah sudah mendapat idzin daripada kerajaan-nya, lalu kembalilah ia sa-mula ka-Goa menambah kelengkapan peralatan-nya, bersiap pula ia tiga buah kapal, delapan buah ghalias, empat buah ghali panjang, enam belas buah pusta, menjadi empat puluh tiga buah kelengkapan semua-nya, dan belayar-lah ia ka-Melaka. Maka gempar-lah orang2 Melaka sakalian, berlari2an kesana kemari, lalu mempersembahkan kapada Raja Ahmad, “Bahawa Peringgi datang menyerang kita dengan empat puluh tiga buah kapal, lapan buah ghalias, sembilan buah ghali panjang, enam belas pusta.” Demi Raja Ahmad mendengar itu segera-lah baginda mengerah-kan segala hamba raáyat supaya menghadzirkan kelengkapan perang.¹

Saya menguap lagi, menutup buku tersebut, bersandar pada kerusi kerja yang empuk. Langit mencerah sedikit di luar. Awan gelap berarak pergi perlahan-lahan. Tangan kanan saya terdampar di atas buku *Perang Melaka*.

Saya mengeluh perlahan sambil mencapai sampul surat dengan label Faculty of Letters A.da Universidade, Lidade Universitária. Membaca semula kandungannya. Undangan menyampaikan ucapan perdana untuk gelar *Doctor Honoris Causa*. Dalam surat rasmi itu dijelaskan, University of Lisbon menyanjung tinggi usaha saya menulis sebuah buku lain berjudul *Jejak-jejak Nyemah Mulya di Portugal*.²

¹ Darus Ahmad, *Perang Melaka* (Bayan Lepas: Sinaran Bros., 1957), 1–2.

² Sebuah buku pengembaraan mengenai kempen perang Nyemah Mulya ke atas Portugal 1511-1515. Ia menimbulkan kontroversi di Portugal, tetapi tetap diterima hangat di negara tersebut.

la kajian yang sukar. Saya masih ingat peritnya. Kerajaan Portugal tidak mahu bekerjasama. Kebencian terhadap orang Islam demikian kental kerana tiada maklumat yang adil. Mainan media memesongkan bahawa Nyemah seorang yang zalim. Dan saya masih ingat terpaksa meminta sedekah daripada beberapa agensi kerajaan di tanah air, tetapi tidak dibantu. Saya menulis surat berpucuk-pucuk kepada persatuan penulis dan juga pihak universiti memohon penajaan kerana badan-badan korporat memang tidak berminat dengan hal-hal budaya dan ilmu seperti ini.

Akhirnya kertas cadangan saya mendarat di atas meja Dr. Tais Araujo. Saya diberi dana oleh Fulbright dan kemudian, Yayasan Ford juga mahu menaja. Kata orang, mereka didalangi Yahudi. Ada suara sumbang membisik George Soros pemberi wang. Peduli apa saya, jika mereka mahu memberi wang untuk tujuan ilmu sedang orang Islam dan pihak bertanggungjawab yang saya harapkan tidak pernah mengambil berat.

Hanya selepas kajian saya itu terbit, barulah ramai yang membuka mata. Sebuah persatuan penulis kemudian menganjurkan rombongan mencari Melayu di Portugal.

Saya mengeluh lagi. Sepatutnya saya ke Jakarta, menyambut hari lahir Al-Chaidar dan bertemu isterinya, Yui Nakamura di Bali. Tetapi surat yang ditandatangani Naib Canselor University of Lisbon, Profesor Armando Jose itu seperti hantu Nyemah juga. Memanggil-manggil. Menerima gelar Doktor Kehormat atau berehat setenanganya di Bali.

Nyemah Mulya datang lagi. Sesuatu yang sulit sebenarnya untuk dipenuhi. Akan tetapi gejolak hati seorang remaja

perempuan seperti Nyemah Mulya dengan keazaman yang sangat mengagumkan begitu mengacah-acah benak dan semangat.

24 Ogos 1996

Maude menurunkan dia di hujung simpang.

“Saya boleh turunkan betul-betul di depan rumah profesor tu, yang nak turun di sini kenapa pula?”

Dia menggetap bibir. Menggalas beg sandang dan menggeleng. “Aku nak jalan, keluar peluh sedikit. Dah berapa hari tak ke *gym*.”

“Suka hatilah. Tiga jam lagi saya datang jemput. Tunggu depan bank macam biasa, okey sayang.” Proton Wira langsung bergegas meluncur.

Dia berjalan santai. Seluar warna khaki kemas digosok Maude. Baju berleher ala kurta yang dipakai sejak semalam sudah mulai dibasahi keringat. Jam di tangan menunjukkan waktu 10.00 pagi. Masih ada setengah jam lagi.

Dia menuruni jalan lereng bukit menghala ke kediaman profesor. Matahari tersembunyi di sebalik kepul awan. Kuala Lumpur mendung. Beberapa hari ini hatinya digoncang sesuatu. Goncangan yang membuatkan dia sentiasa terganggu. Profesor itu barangkali dapat menjadi tangan yang menghentikan goncangan tak menentu dalam jiwa. Tangan yang menghulur, tangan yang lebih mengerti. Maude tidak begitu.

Jalan buntu nombor 4, seperti selalu dihafalnya. Dia meninjau ke dalam. Pintu jeriji sudah ternganga menanti ketibaan. Pohon palma bersusunan di pagar hadapan. Taman itu hijau merimbun.

Dia membayangkan itulah tempat profesor selalu berse-nang-senang membaca sambil mencicip kopi tanpa gula, menggetis

hujung karipap yang rangup. Tempat yang menampung pohon-pohon termasuk *belicornia* dan kaktus. Di dalam kolam kecil beraupungan teratai, keladi bunting, *water lily* berdekatan *agave* dan kucai bunga.

Dia melangkah masuk, terpinga seketika dan menoleh kiri kanan. Petunia, kenanga dan keladi seakan ikut menunggu.

Hatinya bergoncang lebih keras. Salam diulangi lagi sekali.

Dia perhatikan taman itu sudah makin merimbun berbanding kunjungan terdahulu. Dia tidak pernah menyukai taman merimas begini. Pokok induk menguasai ruang laman yang tidak begitu lebar, disarati pokok pelbagai jenis dengan pisang kaki, mata kucing dan ru.

Dia memberi salam lagi. Debar mengharap ada yang segera membalas. Tidak mahu terpinga di situ beberapa lama.

Ada suara menjawab. Tini menjengulkan kepala dari balik tiang di tengah ruang tamu menghala ke dapur.

“Mbak Tini, Ibu Nyemah ada?”

“Lagi menanti kamu di taman belakang. Ayo, ibu udah di belakang.” Tini senyum lalu menampakkan sepenuh tubuhnya yang gendut, dengan skirt kuning labuh separas lutut.

Dia menanggalkan kasut, berjalan berhati-hati melintasi ruang tamu. Perhiasan rumah profesor sentiasa aneh, fikirnya. Di tengah ruang tamu ada benda-benda baru. Sofa kayu *ebony* dengan kusyen warna biru laut dan hijau pucuk pisang mengambil ruang. Terdapat tikar rotan dan pemotong padi Cina.

Barangkali kalau Maude lihat ini semua, dia akan menjadikan ruang tamu rumah ini muzium. Diteliti dan ditilik sepenuh hati. Tema eklektik dengan artifak budaya. Begitulah semuanya

direka, itulah kesimpulan yang akan diberi Maude. Loceng gajah Siam cucuk sanggul Laos, bakul rotan serta batang-batang buluh agam terhias. Almari kayu besar di setiap sisi dinding tersergam hebat. Dari ruang tamu yang berasaskan kayu itu, dia menghala ke dapur yang sama sekali berbeza. Sederhana dan bertema minimalis. Kakinya menyentuh jubin seramik sambil mata menjeling kabinet dan dinding berkemas simen.

Tini mengekor dari belakang rupanya.

Pintu gelongsor terbuka luas menghala ke taman belakang. Profesor Nyemah Mulya sedang duduk di atas sebuah kerusi. Bertudung pashmina hitam, berkaca mata bingkai coklat, dia sedang menatap buku. Di taman kecil ini, pohon renek sahaja ditanam dan di atas meja kecil terhidang jag berisi air limau ais. Apabila didekati, Profesor Nyemah bingkas dan mempersilakannya duduk.

Profesor menanggalkan kaca mata. “Fimiyun, lama sekali kita tak berjumpa. Duduklah, silakan,” ucapnya mesra.

Dia tersipu seketika. Separuh termangu sebelum mengikut perintah, duduk di kerusi bersebelahan. Matanya tertangkap buku yang ditatap Profesor Nyemah tadi. *Comentarios*³ terjemahan Walter de Gray Birch dan sebuah buku lagi, karya barunya, *Amnesia Sejarah*.⁴

³ *Comentarios* ialah himpunan surat-surat Alfonso de Albuquerque kepada Raja Manuel yang disusun semula oleh anaknya dengan penuh retorik untuk menunjukkan kehebatan bapanya sebagai wizurai agung Portugis. Edisi pertama diterbitkan pada tahun 1557; edisi moden diterbitkan pada tahun 1922 dan 1973.

⁴ Buku terakhir tulisan Profesor Nyemah Mulya sebelum meninggal dunia dalam satu kebakaran ngeri. Dalam karya penting ini, beliau menyarankan supaya bangsa Malaysia mengenang semula sejarah untuk meletakkan

Tini mampir membawa sebiji lagi gelas.

Burr, air limau dituang ke dalam gelas, berpindah ruang. Seekor raja udang melayah rendah. Hinggap di celah-celah dahan pohonan, melekekkan diri sebentar.

“Bila Fimiyun telefon, cepat-cepat saya menyelongkar perpustakaan, dan ya, memang saya membaca *Comentarios* sejak dua hari lalu.”

Matanya dari raja udang beralih ke wajah profesor. “Saya mahu tahu lebih lagi tentang Albuquerque. Misi sebenarnya ke Melaka pada tahun 1511. Tetapi ya, saya cuma mengerti secara mendalam soal Melaka sahaja, bagaimana mereka datang dan mengoyak-ngoyakkan kerajaan Melayu. Tetapi untuk lebih memahami Albuquerque, saya kira saya mesti lebih memeriksa panglima ini sebelum beliau ke Melaka. Kezaliman, taktik dan misi politik beliau di Ormuz atau di Goa sebagai contoh.”

Profesor Nyemah senyum panjang, meleret. Mata bulat warna coklat, kulit warna hazel dan bibir penuh dengan gigi tersusun itu memang menyerlahkan wanita berusia lima puluh lima tahun itu. Pernah jelita. Sisa-sisa kejelitaan masih berbaki. Suaminya Fernando Jose, orang Sepanyol dengan titisan darah Portugis. Meninggal dunia tiga tahun lalu dalam satu percutian yang bertukar tragedi di pesisir pantai barat Australia. Kemalangan di laut. Tidak ramai yang tahu tentang perkahwinan rahsia mereka. Mereka jatuh cinta di Lisbon puluhan tahun lalu. Hidup bersama di Paris dan sekian

semula asas perjalanan masa hadapan bangsa. Bangsa Melayu disaran memegang semula kekuatan Islam, bahasa serta budaya bangsa. Sementara bangsa-bangsa lain didorong melihat semula kepercayaan spiritual dalam hidup mereka yang merupakan tunjang utama kepada kejayaan materi.

banyak kota sebelum pulang. Menjejakkan kaki di Kuala Lumpur pada tahun 1989, Profesor Nyemah Mulya sudah tersohor sebagai sejarawan bertaraf dunia. Dia pernah mengajar di Princeton dan SOAS.

Inilah sejarawan mithali. Sejarawan yang tahu apa erti sejarah dan bagaimana menggunakannya untuk melihat masa hadapan. Dia hafal semua. Profesor Nyemah pengingat. Dia boleh mengundang semula sejarah di hadapan mata.

“Baca *Comentarios* ... baca *Comentarios*, Fimiyun.” Pandangan Profesor Nyemah menikam matanya.

Dia mengelipkan mata, mengangkat muka, memandang sepenuh hati wajah Profesor Nyemah. Datang malu mendadak dalam diri. Dia terkhayal sementara rupanya.

“*Comentarios*, ya sudah dibaca, tapi ia hanyalah bahan retorik. Penuh kepalsuan saya kira. Ditulis untuk mempertahankan maruah seorang ayah, rasanya *Comentarios* bukanlah teks yang perlu saya nilai secara serius.”

Profesor Nyemah tersenyum lalu berkata, “Melaka, Fimiyun lebih tahu daripada saya. Pengetahuan saya cuma tentang tokoh era Portugisnya, si Albuquerque sahaja. Susuk tubuhnya sebagai panglima, sebagai wizurai atau ahli politik dan ya, penjajah.”

Profesor Nyemah mencapai gelas, terdongak sedikit meneguk limau ais, menyambung, “Melaka jatuh kerana sebagai sebuah kerajaan, ia kerajaan yang nyanyuk. Melaka sangat maju waktu itu, sangat maju.

“Saya kira Melaka saat itu tidak begitu banyak bezanya dengan apa yang digambarkan oleh Eredia dalam *Malaca Linde*

Meridionale.⁵ Tapi kemajuan, pembangunan, kehebatan tamadun dan peradaban tanpa isi sangat menggerunkan.

“Melaka nyanyuk kerana hiburan, zina, gejala sosial yang meruntuhkan dan itu semua menjadi tunjang kerajaan Melaka. Itulah yang menjerumuskan Melaka ke dalam kemusnahan. Jika Tuhan menghantar Genghiz Khan untuk menghukum kerajaan Abbasiyyah di Baghdad, begitulah Tuhan telah mengutuskan Albuquerque sebagai malaikat maut kepada Melaka.”

Dia tidak berkelip.

“Ini yang orang tua kita kata: Mati rusa kerana tanduknya.”⁶

“Ah, saya melihat kes Melaka sebagai mati rusa kerana jejak, mati kuang kerana bunyi.”⁷

Derai tawa Profesor Nyemah berekor, masih punya sisa menggetar. Tawa yang pernah mencipta matahari, mencipta bulan, mencipta pelangi buat suaminya. Merenung mata Profesor Nyemah, mencetuskan khayal tersendiri.

Profesor Nyemah punya lima orang anak. Empat lelaki dan seorang perempuan. Dia pernah baca itu dalam majalah. Tetapi tidak diingatnya yang mana satu. Empat anak lelakinya menetap di luar negara. Di Eropah dua orang, di Jepun seorang, di Amerika Syarikat seorang dan bersamanya di Kuala Lumpur—anak gadis yang bongsu, berusia dua puluh tujuh tahun.

⁵ *Malaca Linde Meridionale et le Cathay*, buku susunan Godinho de Eredia mengenai bandar Melaka semasa pemerintahan Portugis. Meskipun ringkas, ia dianggap sangat penting kerana menunjukkan latar Melaka yang tidak diketahui oleh ramai sejarawan.

⁶ Malang oleh keistimewaan yang dimiliki.

⁷ Malang disebabkan dek sifat dan perbuatan sendiri.

Frida (ya barangkali ia didasarkan kepada nama pelukis terkenal Mexico itu, Frida Kahlo) dan memang Frida juga pelukis. Frida ... Frida ... lebih baik jika Maude tidak mengetahui langsung kewujudannya.

Jika ibunya langit, Frida adalah warna pelangi. Jika ibunya pagi, Frida ialah embun. Jika ibunya mentari, Frida adalah hangatnya. Frida, penyair Indonesia, Goenawan Mohamad pernah menulis puisi tentangnya, apa tulisnya dalam puisi tahun 1993 itu—*kau tergetar kepada apa yang sebentar*.

“Sebentar, sebentar...” Profesor Nyemah membalas renungannya, berdiri dan bergerak ke dalam. “Saya akan pinjamkan beberapa buah buku dari perpustakaan saya. Semua tentang Albuquerque,” tuturnya sambil melangkah.

Tini datang menghidang kuih-muih di atas meja kecil yang sarat oleh perhiasan budaya. Dulang buluh mengalas jag minuman, kotak tisu rotan, bakul anyaman terisi beberapa kuih pau dan mangkuk salsa berisi maruku.

“Silakan pak, paunya masih panas,” pelawanya sebelum pergi.

Dia bangun dari kerusi, bawah ketiakanya basah. Dia rasa sedikit rimas, mengibas-ngibas leher baju. Dia mengelus janggut sejempit di dagu dan berkisar di dalam taman kecil di belakang rumah itu. Peluh turun sebutir dua daripada dahi lalu tergantung di dagu.

Dia menghela nafas. Bau kuntum cempaka, kenanga dan kemboja terapung berbaur. Daripada Maude dia mendapat tahu bahawa pokok wangi memberi *sense of smell* yang menjauhkan langau dan lalat. Agaknya memang itu tujuan pohon-pohon ini ditanam di sini. Dia tidak pernah mengerti seni taman. Pohon

kemboja ditanam sepasuk berdekatan—ada putih, kuning, merah dan jingga—memberi warna pada mata.

Suara profesor Nyemah kepada Tini tidak berbutir. Tampang wanita itu berjalan semula ke kerusi. Dia juga bergerak ke tempat asal.

“Kalau susur-galurnya, Fimiyun boleh lihat tulisan Visconde de Sanches de Baena,⁸ sudah saya terjemahkan ke bahasa Melayu. Cuma bertulis tangan terjemahan itu, jadi sedikit comot, sementara biografi dalam bahasa Inggeris boleh lihat pula *Albuquerque* karangan H. Morse Stephens, dan ya, buku Edgar Prestage yang tersohor itu, *Afonso de Albuquerque Governor of India*.”

Pau memanggil, pau memanggil. Pau gebu.

“Saya mahu tahu secara ringkas peranan Albuquerque sebelum datang menjadi bala bencana untuk penduduk Melaka.”

Dia membetulkan duduk. Sedikit teragak, mencapai kuih pau. Masih panas, asap nipis terbit sebaik pau gebu putih itu dikoyak ke intinya. Kacang merah lembut. Perlahan dimasukkan ke dalam mulut, dikunyah, ditelan cebis demi cebis. Manis lemak, sayang masih panas, melecur lidah.

“Saya fikir Fimiyun, bahagian paling penting daripada kehidupan Albuquerque ialah pertama beliau dibesarkan di istana dan sejak kanak-kanak lagi bermain dengan putera-putera raja, seperti Raja Joao sendiri dan Alfonso kelima. Ini menyumbang

⁸ Susur-galur Jeneral Albuquerque boleh ditelusuri menerusi dokumen Portugis yang ditemui di Lisbon pada 1861, *Resumo historico e genealogico da familia do grande Affonso de Albuquerque, para servir de complemento á monographia publicada em 1860 no archivo pittoresco sobre a Casa dos Bicos*.

kepada rasa setia tidak berbelah bahagi kepada raja. Dia memang seorang yang setia.”

Profesor Nyemah berdehem sebentar, menuang air limau lagi ke dalam gelas dan meneguk waspada. “Albuquerque juga didedahkan kepada lingkungan Kristian yang keras di sini. Setidak-tidaknya dendam Perang Salib.

“Yang kedua, bahagian yang paling kelim dalam sejarah Albuquerque tetapi penting ialah sekitar tahun 1471. Dia pernah ditugaskan sebagai pemerintah garison di Anafe, Maghribi setelah Portugis berjaya menawan Arzila dan Tangier. Albuquerque menatap di sana sepuluh tahun.”

Profesor Nyemah menarik hujung tudung pashminanya, menggetap bibir dan menyambung semula, “Di sinilah dia mendapat pengalaman ketenteraan yang mendalam—segala kaedah pembunuhan, menghancurkan bandar, membina kubu dan menghindarkan musuh. Dia belajar kaedah menyeksa dan mencatatkan tahanan, dan di sinilah kebencian yang mendalam terhadap Islam dibaja.”

Dia mengambil pau kedua. Masih panas, terasa enak. Pau putih mulus tembam itu dicubit kecil-kecil didorong ke dalam mulut, kemudian dia bersuara, “Bahagian ekspedisi ke Timur itu datang bila?”

Profesor Nyemah senyum. Gigi cantik terserlah putih. “1480 seingat saya, Albuquerque menyertai perang laut di Teluk Taranto membantu raja Naples memerangi tentera Turki Uthmaniyyah. Selepas itu, Albuquerque yang kian menyerlah dilantik sebagai

*estribeiro-mór*⁹ dan di sinilah datang rancangan mencari jalan laut ke India. Bahagian misi ke Timur ini kita sendiri belum begitu jelas.

“Dom Joao dan datuk saudaranya, Henry the Navigator sejak awal lagi sudah menaruh minat untuk ke Timur. Tetapi saya juga percaya tiga pengembaraan pertama ke Timur, Diogo Cao mula-mula, Bartholomew Diaz pada tahun 1482 dan 1485 mungkin dipantau oleh Albuquerque yang rapat dengan istana.

“Dan kita semua tahu betapa ghairahnya dia dalam mencari jalan darat ke tanah jajahan Prestor John di Habsyah.¹⁰ Tetapi saya kira kedudukan Albuquerque di istana mulai tergugat apabila raja baru naik takhta dalam tahun 1495. Hah di sinilah datangnya Raja Manuel pertama...”

“Nanti Prof, Raja Manuel, si pekedai runcit?¹¹ Bukan dia yang selepas naik takhta memanggil rapat di Montemor o Velho?”

Profesor Nyemah mengetik dua jari. “Yah, nah Fimiyun, dari situ, hasil mesyuarat itu ialah Vasco da Gama yang kita semua ketahui cuba mengembara jauh ke Timur.

“Tetapi satu ingatan yang Fimiyun mesti ingat dan mesti Fimiyun tulis supaya anak cucu kita tidak lupa ialah Vasco da Gama lebih berminat dengan urusan ekonomi. Dia berminat mendirikan *feitoras*¹² di pantai barat India, tetapi Albuquerque lah yang menyebarkan idea menentang Islam, memerangi Islam dan mencari

⁹ Ketua pengiring raja.

¹⁰ Sebuah kerajaan Kristian yang dipercayai wujud serta dapat membantu usaha menghancurkan Islam di Timur Tengah dan Timur Jauh, di samping membekalkan maklumat pelayaran ke Lautan Hindi.

¹¹ Gelaran yang diberi oleh Raja Francois I dari Perancis untuk menghina raja Portugal waktu itu.

¹² Pusat perdagangan.

Prestor John dalam polisi asal. Vasco da Gama berminat kepada perdagangan, tetapi dia, Albuquerque memang membenci Islam.”

Tini datang lagi membawakan telefon, menyatakan ada panggilan dari luar.

Profesor Nyemah menyambut telefon.

“Sebentar ya Fimiyun. Hula, Pak Pawalit Mongkolpisit ... ya sudah. Saya sudah menerima undangan daripada Chulalongkorn University itu. Ah tentu ... tentu ... sudah lama saya tak ke Bangkok. Ibu Ratanasopha sihat? Ya ... ya, nanti kita ketemu. O ... sebelum bertolak saya akan hubungi lagi. Saya tak mahu peristiwa pahit kehilangan tas di *airport* berulang lagi.” Profesor Nyemah ketawa kecil. “Sudah tentu. Baiklah, ketemu lagi. Terima kasih kerana menghubungi.”

Tini membawa telefon masuk.

Profesor Nyemah meneguk air limau daripada gelasnyanya lagi.

“Teman arwah suami saya. Profesor sejarah di Universiti Chulalongkorn, nah kajian Profesor Pawalit ini juga menarik. Beliau pernah menulis sebuah esei tentang hubungan, atau lebih tepat bagaimana Siam membantu Portugis menjatuhkan Melaka. Itu kita bincang lain kali, nah di mana kita tadi?”

“Albuquerque memang membenci Islam.” Dia cuba mengingatkan.

“Emm, bukan yang itu yang ingin saya sampaikan ... apa ya, lupa pula. Ha begini, Albuquerque mulai keluar ke laut dan tidak lagi terperap di istana sekitar tahun 1503 apabila Raja Manuel memerintahkannya ke Cochinchina dengan tiga buah kapal untuk membina kubu di sana. Dari sinilah Portugis atau lebih tepat Albuquerque mengerti bahawa untuk maju ke Timur, kota Aden mesti ditawan

dan juga pantai barat India. Dari situ juga semangat Albuquerque semakin meluap.

“Kita mesti ingat, pada tahun 1453, Konstantinopel jatuh ke tangan Turki Uthmaniyyah dan seperti laporan Tome Pires tentang Melaka selepas kejatuhannya, kota perdagangan katanya, kota yang lebih baik daripada sebarang kota di dunia kerana pada penghujung monsun dan permulaan musim lain, urusan niaga tidak pernah berhenti dari seluruh dunia ... sebelum Tom Pires menulis, tentu kehebatan Melaka sudah terdengar. Di sinilah datangnya cita-cita politik Albuquerque. Nafsu besarnya ... bercampur dengan kebencian terhadap Islam.”

“Err, Prof saya mencelah...”

Profesor Nyemah terhenti. Mata bundar lebih dibulatkan merenung.

Dia berdehem dulu. “Saya kira perseteruan Albuquerque dengan Almeida akan membantu kelangsungan karier Albuquerque sedikit sebanyak.”

Profesor Nyemah ketawa kecil. “O, ke situ. Ya, benar sedikit sebanyak benar. Mac 1505, Dom Francisco de Almeida, wizurai dan gabenor pertama Portugis ke India tiba di sana dengan angkatan dua puluh dua buah kapal dan seribu lima ratus tentera.

“Misi beliau jelas, tawan Kilwa dan Mombasa di pantai timur Afrika, pulau Anjidiv di India dan ya Melaka sudah disebut waktu itu ... itu semua ada dalam *regimento*.¹³

“Tak ramai orang tahu dalam tahun 1506 lagi Almeida pernah menugaskan Francisco Pereira, Estavao de Vilhena dan anak lelaki

¹³ Arahan diraja bertaraf ordinar.

Gaspar de India untuk menyamar sebagai kelasi dalam sebuah kapal saudagar Islam lalu mengintip keadaan Melaka.”

Profesor Nyemah meneguk air limau lagi. Memandang bersungguh kepada dirinya. Menggenyeh hidung seketika dan meneruskan, “Almeida sebetulnya lebih berminat dengan perdagangan, bukannya peperangan. Almeida berperang di pelabuhan Diu dan kalah. Ini membolehkan Albuquerque diganti sebagai gabenor.

“Pada tahun 1508, Albuquerque belayar ke India dengan hanya dua buah kapal untuk mengambil alih jawatan itu, tetapi Almeida menangkap dan memenjarakan Albuquerque di Cananor sehinggalah utusan raja dari Lisbon tiba, iaitu Fernando Coutinho, anak saudara Albuquerque sendiri dan Almeida tiada pilihan selain mengakui Albuquerque sebagai pengganti.”

“Ya Prof, inilah bahagian yang ingin saya ketahui. Albuquerque dari tahun 1506 ke 1508. Di sinilah keinginannya ke Melaka lebih meluap.” Matanya mencerlang. Bibir digetap. Jari-jemari tangan kiri mengibak rambut yang terjuntai menutup pandangan.

“Betul kata awak Fimiyun, bahagian yang penting. Ada dua projek khusus Albuquerque saya kira dalam tempoh ini. Pertama, keinginan Albuquerque untuk menawan Madinah, membongkar makam Nabi Muhammad serta menggali terusan merentas Ethiopia dari Sungai Nil ke Laut Merah supaya Mesir menjadi kering-kontang.

“Untuk projek ini, Albuquerque menghantar Joao Gomes dan Joao Sanches ke Ethiopia. Hasilnya, pada tahun 1512, apabila Matthew, utusan permaisuri Eleni dari Ethiopia tiba di Lisbon, dia

disambut serta diarak meriah dengan slogan ‘ inilah titik permulaan kemusnahan kota Makkah’.”

Profesor Nyemah berhenti sejenak. Memandang dengan lebih yakin. “Kedua, pelantikan Albuquerque datang bersama perintah untuk menawan Goa di India. Serangan ke atas Goa dibantu oleh seorang lanun Hindu bernama Timoja. Kepentingan Goa tentu-lah menjadi keutamaan Portugis apatah lagi Albuquerque begitu anti-Islam. Gujerat, Mamluk dan Kalikat ialah satu liga ekonomi yang berkesan. Penaklukan Goa menyusahkan aliran perdagangan orang Islam dan juga membataskan dakwah Islam ke Timur kerana waktu itu saudagar Islam adalah serentak pendakwah juga.”

Dia mencelah, “Apa yang berlaku di Goa waktu penaklukan tahun 1510 itu?”

Profesor Nyemah separuh menjegil, barangkali terkacau disampuk saat kencang bercerita.

“Baca buku yang saya beri Fimiyun, Albuquerque menulis dengan bangga bagaimana dia dapat membunuh enam ribu orang Islam. Setiap masjid dibakar, tidak kira lelaki atau perempuan semua habis disembelih.

“Sementara projek Melaka?” Dia mencelah lagi.

“Itu sudah bermula lama, seperti saya sebutkan awal tadi. 1509, Raja Manuel menghantar Deigo Lopes de Sequeira ke Melaka. Oleh hasutan pedagang Gujerat dan Keling yang terancam di India, Sultan Mahmud memenjarakan sembilan belas orang Feringgi termasuk Ruy de Araujo. De Sequeira terlepas daripada cubaan bunuh waktu bermain catur di atas kapal, kembali ke Goa langsung melaporkan apa yang terjadi ke Lisbon. Albuquerque pula yang

dihubungi oleh de Araujo menerusi surat jadi lebih bernaflu untuk memimpin sendiri angkatan perang menawan Melaka.

“Dan seperti yang Fimiyun tahu, April 1511, dia keluar dari Goa dengan lapan belas buah kapal termasuk empat milik Diego Mendes untuk ke pelabuhan Melaka. Mereka masuk pesisir pantai kita pada 1 Julai, langsung membunyikan tetuang...”

Suara halus, merdu, irama beralun seperti angin sepoi tidak terlihat, tetapi lembut mengelus. Frida ... Frida ... Frida Mohamad, anak bongsu Nyemah Mulya dan Mohamad Fernando Jose.

Dia berdiri gesit mendadak. Frida datang melenggang. Frida dalam baju kurung Riau Pahang. Mata kecil warna coklat. Rona hitam polos bajunya, bermanik di leher dan lengan, mancung hidung dengan kulit putih kemerahan, terselempang kain selisih corak menegak. Merah bibirnya tersenyum mesra. Frida, lentik jari-jemari terhulur ... Frida ... diciumi pipi Profesor Nyemah kiri kanan.

“Bincang apa mama? Sampai tak terdengar saya memberi salam.” Frida menjeling sekilas dia. Frida, Frida ... terasa menusuk ke dada, menghunjam terus ke jantung.

“Ida, kenalkan, teman mama. Anak murid sebetulnya ... hah inilah orang yang mama bilang sedang mengkaji tentang moyangmu, dari sebelah papa, Nyemah Mulya.”

Frida senyum. Dia senyum lebih-lebih lagi. Frida laut madu berpantai gula.¹⁴ Frida permukaan bulan, Frida jalur pelangi, Frida busa samudera. Frida...

Ah, jangan sampai Maude tahu. Jangan sampai dia tahu.

¹⁴ Berbudi bahasa, orang pula cantik.